

# NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



## PERKAMPUNGAN MENARA GADING (PMG) MADANI DI IIUM

**GOMBAK, 2 OGOS 2025** - Perkampungan Menara Gading (PMG) Madani telah diadakan di UIAM kampus Gombak. Seramai 468 orang peserta telah menyertai PMG Madani yang terdiri daripada pelajar lepasan SPM dan STPM. Program ini telah dilaksanakan selama 3 hari 2 malam yang diisi dengan pelbagai aktiviti dan slot yang menarik. Naib Presiden WADAH, Prof. Dato' Fauzan dan Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizudin Ahmad turut hadir memberi perkongsian ilmu kepada para peserta.



## PERTEMUAN PRESIDEN WADAH BERSAMA MANTAN PIMPINAN WADAH

**SG MERAB, 3 OGOS 2025** - Satu pertemuan antara Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam dengan mantan pimpinan WADAH telah diadakan di Anjung Rahmat. Pertemuan yang penuh makna ini telah dipengerusikan sendiri oleh Presiden WADAH dan bertujuan memperkuuh silaturrahim serta mendapatkan pandangan daripada mantan pimpinan yang pernah menerajui WADAH.

Perbincangan turut menyentuh aspek pengukuhan organisasi, cabaran semasa dakwah, kesinambungan kepimpinan, serta keperluan memperkuuh perpaduan dan idealisme perjuangan berteraskan nilai-nilai Islam.

Pertemuan ini bukan sekadar simbolik penghargaan terhadap legasi kepimpinan terdahulu, tetapi juga satu langkah strategik ke arah memperkuuh tradisi syura dan budaya nasihat dalam kepimpinan Islam. Ia sekaligus menzahirkan kematangan organisasi dalam meraikan pengalaman serta memastikan kesinambungan idealisme perjuangan Islam yang syumul dan berdaya tahan.



# MESYUARAT BULANAN SEKRETARIAT WADAH PUSAT

**SG MERAB, 4 OGOS 2025** - Mesyuarat Bulanan Sekretariat Wadah Pusat bersama Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin telah diadakan di Anjung Rahmat. SUA meningkatkan tugas yang diberi mesti dilaksanakan dengan tanggungjawab dan sempurna. Disamping itu staf membuat persediaan awal untuk Muktamar Nasional (MUKNAS) 2025 akan diadakan pada hujung bulan November di Permatang Pauh.

JOM DAFTAR AHLI WADAH



**BICARA DAKWAH**

**AL-KAHFI MEMBANGUN UMMAH, MENANGKIS FITNAH**

5 OGOS 2025 (SELASA) 2.30 PETANG - 4.30 PETANG PAVILION, WTC KUALA LUMPUR

Penceramah:  
 • Ustaz Hasri bin Harun, Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam UNISEL / AJK Nadwah Ulama dan Ilmuwan YADIM (NUIM)  
 • Ustaz Dr Mohd Faridh Hafez bin Mhd Omar, Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM / AJK Nadwah Ulama dan Ilmuwan YADIM (NUIM)

'Melestari Gerakan Dakwah'

**MALAYSIA MADANI**

## BICARA DAKWAH AL-KAHFI MEMBANGUN UMMAH MENANGKIS FITNAH

**KUALA LUMPUR, 5 OGOS 2025** - Lebih 100 orang telah mennghadiri program Bicara Dakwah Al-Kahfi Membangun Ummah, Menangkis Fitnah anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) sempena Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-65 telah berlangsung di Pavilion, WTC Kuala Lumpur pada 5 Ogos.

Forum ini membuka ruang renungan mendalam tentang makna pembangunan umat dan penangkisan fitnah berpaksikan Surah Al-Kahfi. Antara kisah yang telah dikongsikan ialah kisah pemuda Ashabul Kahfi mlarikan diri ke gua kerana mahu menyelamatkan akidah mereka daripada pemerintah zalim yang memaksa mereka menyekutukan Allah. Mereka sanggup meninggalkan kesenangan dunia demi mempertahankan keimanan. Sebagai pengajaran daripada kisah tersebut, pegangan akidah adalah ujian utama yang perlu dipertahankan walau dalam tekanan. Malahan, generasi anak muda boleh menjadi agen perubahan jika mereka berani berpegang pada kebenaran.

Sesi ini menampilkan dua orang panel jemputan iaitu Timbalan Presiden ABIM, Dr. Mohd Faridh Hafez Mhd Omar dan Timbalan Presiden WADAH, Ustaz Hasri Harun yang berkongsi kupasan penuh hikmah dan membumi tentang cabaran umat Islam masa kini serta peranan Al-Qur'an sebagai petunjuk dalam menghadapi realiti fitnah zaman. Forum ini telah dikemudi oleh moderator, Daie Muda YADIM Farhat Pisal.





## SEMINAR PEMERKASAAN KOMUNITI ISLAM ASEAN DALAM PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI-PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 5 OGOS 2025 - Lebih 100 orang telah menghadiri Seminar Pemerkasaan Komuniti Islam ASEAN telah diadakan di Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP, Kampus Batu Muda, Kuala Lumpur pada 5 Ogos 2025. Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam dan H.E Neak Oknha Datuk Dr. Othsman Hassan, Menteri Kanan (Hal Ehwal Islam) Kemboja telah menyampaikan ucaptama manakala seminar telah dirasmikan oleh YAB Senator Dato' Setia Dr. Na'im Mohd Nor, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

Turut diadakan Majlis Menandatangani MOU Kerjasama Strategik antara MAIWP dan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam kemboja. 100 pelajar Muslim Kemboja akan ditaja penuh oleh MAIWP untuk menyambung pengajian tinggi di Malaysia sebagai usaha memperkasa Muslim Kemboja dengan ilmu seterusnya membantu membangunkan negara mereka.



## FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD) DI INSTITUT KENEGARAAN PERDANA

CHERAS, 6 OGOS 2025 - Focus Group Discussion (FGD) telah diadakan di Institut Kenegaraan Perdana, Cheras pada 6 Ogos 2025 bermula jam 10.00 pagi. Sesi diskusi ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada agensi kerajaan, NGO-NGO Islam, universiti dan sebagainya seperti Pejabat Perdana Menteri, ABIM, WADAH, IKRAM ISTAC, UTHM dan ITQAN. Dalam sesi tersebut, turut membentangkan tentang "Dinamika Geopolitik di Asia Barat dan Implikasi kepada Malaysia". Ahli sidang bersetuju untuk sekretariat menyusun program yang sesuai bagi menerangkan ancaman dari pihak luar kepada masyarakat agar lebih berwaspada bagi memelihara keharmonian dan kestabilan politik dan sosial dalam negara ini.

## **WADAH MENERIMA LAWATAN DARIPADA DELEGASI MUSLIM THAILAND**

**6 OGOS 2025** - WADAH telah menerima lawatan daripada delegasi muslim Thailand yang diketuai oleh Dr. Wisut Tobroni Billateh, mantan Ketua CHNS pertama dan pengasas Pusat Koordinasi Sheikhul Islam (Wilayah Selatan) bersama Presiden WADAH. Pertemuan tersebut turut dihadiri oleh Setiausaha Agung WADAH, Haji Azizuddin Ahmad dan Puan Maria.



### **SYARAHAN IDEA MADANI SIRI 4 OLEH PROF. EMERITUS DATUK DR. OSMAN BAKAR**

**GOMBAK, 6 OGOS 2025** - Lebih 100 orang telah menghadiri program Syarahan Idea Madani Siri 4 yang diadakan pada jam 8.00 malam di Dewan Senat, UIAM Kampus Gombak. Syarahan tersebut telah disampaikan oleh Rektor UIAM Kampus Gombak, Prof. Emeritus Datuk Dr. Osman Bakar yang bertemakan "Hubungan Kemanusiaan di Madinah Nabi; Wahyu Ilahi Sebagai Asas".

Dalam syarahan tersebut, Prof. Osman telah menerangkan tentang hablun min al-Nas di zaman pra Islam yang mana hubungan asasi dan hubungan keutamaan antara manusia di zaman pra Islam adalah berdasarkan satu atau lebih daripada pertalian-pertalian berikut; pertalian darah iaitu persaudaraan, kekeluargaan, kaum kerabat, pertalian kesamaan kaum, kabilah, bangsa, pertalian kesamaan warna kulit dan pertalian kesamaan kepercayaan yang sempit, eksklusif atau bersifat perkauman.

Selain itu, Prof. Osman juga memberi penjelasan tentang 5 rukun utama hablun min al-Nas di Kota Nabi iaitu tafahum (saling memahami antara satu sama lain), ta'aruf (saling kenal-mengenali), ihtiram (menjiwai rasa hormat), ta'awun (saling tolong-menolong) dan tasabuq (persaingan sihat). 5 rukun utama ini wajar dihayati dan diamalkan agar melahirkan mukmin yang terbaik dari segi hubungan dengan Allah s.w.t dan hubungan sesama manusia sejagat..



# PERTEMUAN SETIAUSAHA AGUNG DAN PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG WADAH BERSAMA PROF. EMERITUS DATO' DR. HASSAN BASRI

**BANGI, 7 OGOS 2025** - Satu pertemuan telah diadakan antara Setiausaha Agung WADAH, Tuan Haji Azizuddin Ahmad dan Penolong Setiausaha WADAH, En. Ariffin di UKM, Bangi. Pertemuan tersebut diadakan bagi membincangkan tentang penubuhan universiti baru bagi Kolej Dar Al-Hikmah kepada Universiti Dar Al-Hikmah serta membina kompos ilmu pengajian MADANI.



## PODCAST NAHDAH 114: MERDEKA ATAU DIJAJAH SEMULA? - MEMBACA SURAH AL-BAQARAH AYAT 120 DI ZAMAN PENJAJAHAN BAHARU

**SG MERAB, 8 OGOS 2025** - Podcast Nahdah 114 edisi khas sempena Bulan Kebangsaan mengetengahkan tajuk yang mencetuskan pemikiran, iaitu "Merdeka atau Dijajah Semula? Membaca Surah al-Baqarah Ayat 120 di Zaman Penjajahan Baharu". Podcast ini menampilkan panel jemputan iaitu Encik Khairul Anwar Ismail, Exco WADAH dan moderator ialah Saudara Irsyad Takiyuddin.

Perbincangan tertumpu kepada kefahaman terhadap ayat 120 daripada Surah al-Baqarah yang memberi peringatan tentang cabaran serta tekanan ideologi daripada golongan yang tidak

senang dengan nilai dan prinsip Islam. Dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara pascakolonial, kedua-dua panel telah mengaitkan ayat tersebut dengan bentuk penjajahan baharu yang melibatkan budaya, ekonomi, pemikiran dan sistem sosial. Kupasan ini membuka dimensi baharu dalam menilai erti kemerdekaan sebenar, bukan sekadar bebas secara fizikal daripada penjajahan, tetapi juga merdeka daripada pengaruh ideologi asing yang mencairkan jati diri dan nilai-nilai Islam.



## PERANAN ILMUWAN MENCERDAS UMAT DALAM DUNIA DIGITAL DAN ERA AI

**KUALA LUMPUR, 8 OGOS 2025** - Timbalan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) merangkap Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL), Ustaz Hasri Harun, telah dijemput sebagai panel temu ramah dalam Segmen 1 Apa Khabar Malaysia terbitan BERNAMA TV. Siaran secara langsung yang berlangsung pada hari Jumaat, 8 Ogos 2025, jam 9.00 hingga 10.00 pagi itu mengangkat topik "Peranan Ilmuwan Mencerdas Umat".

Dalam sesi tersebut, Ustaz Hasri menjelaskan bahawa mencerdaskan umat bukan sekadar meningkatkan tahap intelektual, malah ia adalah proses membina akal, ilmu, dan hati secara seimbang. "Para ilmuwan mempunyai peranan yang sangat besar, bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi mesti ada elemen kehebatan dan kekuatan untuk mengangkat martabat masyarakat," ujar beliau.

Beliau menegaskan bahawa ilmu perlu menjadi asas kehidupan dalam semua bidang. Mencerdaskan umat, menurut beliau, merangkumi keseimbangan antara hati, jiwa, dan pemikiran bagi melahirkan manusia yang bijaksana. "Kebijaksanaan adalah formula penting yang mesti ditekankan agar manusia tidak hanya pandai, tetapi bijak dalam membuat



keputusan," katanya sambil mencontohkan tokoh-tokoh seperti Ibnu Sina dan Ibn Rusd yang menguasai ilmu agama dan dunia secara seimbang.

Mengulas cabaran era moden, Ustaz Hasri menegaskan bahawa kemunculan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) tidak boleh dielakkan. Beliau mengingatkan agar AI dijadikan alat peningkatan, bukan kebergantungan mutlak sehingga manusia hilang arah. "Kecerdasan buatan datang daripada pemikiran manusia. Gunakan teknologi untuk mempermudah proses pembelajaran, bukan menggantikan sepenuhnya peranan manusia," katanya sambil menggesa pelajar supaya tidak sekadar menyalin maklumat, tetapi memahami dan menilai sumbernya.

## TAMRIN KEPIMPINAN PENDAKWAH ISLAM 2025 (TAMRIN QIYADI WADAH)

**CHERAS, 9-10 OGOS 2025** - Tamrin Kepimpinan Pendakwah Islam 2025 (Tamrin Qiyadi WADAH) telah diadakan di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras pada 9 Ogos hingga 10 Ogos 2025 bertemakan “Membina Umat Berilmu, Berakhlaq dan Berbakti”. Tamrin ini bertujuan untuk mengukuhkan kesedaran dan pergerakan dakwah di kalangan peserta, menilai dan menyenarai isu, cabaran dan solusi dakwah lapangan dalam memperkuuh agenda dakwah serta menilai perkembangan dakwah di seluruh negara dalam menjayakan gagasan Malaysia Madani.

Terdapat banyak slot menarik telah diadakan semasa tamrin tersebut iaitu slot Agenda Keutamaan Gerakan oleh Dato' Ahmad Azam Ab Rahman (Presiden WADAH), slot Mengukuhkan Pengkalan Melebarkan Rangkaian oleh Dr. Abdul Halim Muhammady (Pengerusi Murabbi Madani), slot Pembentangan Agenda Tunas Nahdah oleh Hj Azizuddin Ahmad (Setiausaha Agung WADAH), slot Malaysia Madani: Manifestasi Kejayaan Dakwah di Malaysia oleh Kapt (B) Shamsuddin Bin Moner, Pengarah Kanan Sektor Pengurusan Yadim, Tn. Hj. Mohd Yusop bin Hasan, Naib Presiden WADAH, Ustazah Nordiran binti Idris, Pengerusi SALWA dan slot Citra Fikrah Reformis: Mengenang Allahyarham Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manutu.



# ILTIZAM SEKRETARIAT ABIM PUSAT BERSAMA PRESIDEN WADAH



**GOMBAK, 11 OGOS 2025** - Satu program berimpak tinggi bertajuk Iltizam Petugas Jamaah & Agensi telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Pembangunan Belia, Sekretariat ABIM Pusat, Taman Cemerlang, dari jam 9:30 pagi hingga 11:00 pagi. Program ini telah menghimpunkan Ketua-Ketua Sekretariat ABIM Negeri, pimpinan agensi dan institusi di bawah naungan ABIM, serta kakitangan pelaksana dari pelbagai peringkat.


Lebih bermakna, sesi ini turut diserikan dengan kehadiran Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman, yang telah menyampaikan amanat penting berkaitan keperluan memperkuuh iltizam serta istiqamah dalam perjuangan dakwah, terutamanya dalam menghadapi realiti dunia Islam kontemporari. Dengan tema "Istiqamah Dakwah di Era Perubahan: Peranan ABIM dan Agensi dalam Dunia Islam Kontemporari," program ini membuka ruang perbincangan kritis tentang cabaran semasa, tuntutan perubahan zaman, serta langkah-langkah strategik yang perlu diambil bagi memastikan kelangsungan dan keberkesanannya dakwah.

Presiden WADAH turut menekankan perihal pentingnya kolaborasi erat antara ABIM, WADAH, dan seluruh rangkaian agensinya dalam membina kekuatan institusi Islam yang bersifat proaktif, inklusif dan responsif terhadap isu-isu umat sejagat. Sesi ini juga menjadi wahana untuk memperteguh semangat kebersamaan dalam kalangan para petugas dan menyatukan hala tuju gerakan dalam menghadapi cabaran globalisasi, transformasi nilai dan geopolitik yang kian mencabar.

## SETIAUSAHA AGUNG WADAH MENGHADIRI PROGRAM BERSAMA AHLI LEMBAGA PENGARAH DAN PIMPINAN TERTINGGI TV ALHIJRAH DI MAJESTIC HOTEL, KUALA LUMPUR

KUALA LUMPUR, 12 OGOS 2025

- Setiausaha Agung WADAH telah menghadiri satu program strategik bersama Ahli Lembaga Pengarah (BOD) serta barisan kepimpinan tertinggi TV AlHijrah yang telah diadakan di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Program ini merupakan platform penting dalam usaha merangka hala tuju baharu serta menentukan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi TV AlHijrah demi memastikan keberkesanannya operasi, ketelusan tadbir urus, serta peningkatan impak penyampaian kandungan Islamik kepada masyarakat.



# PROGRAM LAWATAN DAN SERAHAN BUKU PANDUAN IBADAH PESAKIT DI HOSPITAL SUNGAI BAKAP



JOM DAFTAR AHLI WADAH



**PULAU PINANG, 13 OGOS 2025 –**

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) melalui NAHDAH Permatang Pauh, dengan kerjasama Persatuan Kasih Prihatin Malaysia (PEKASIH) Pulau Pinang, telah menganjurkan Program Lawatan dan Serahan Buku Panduan Ibadah Pesakit di Hospital Sungai Bakap. Program ini diadakan sebagai usaha menyantuni pesakit yang memerlukan sokongan moral dan panduan rohani ketika menjalani

rawatan.

Pihak hospital diwakili oleh Encik Mohd Ellmi bin Haji Che Omar, Pengurus Ahli Lembaga Pelawat Hospital Sungai Bakap, manakala serahan buku telah disempurnakan oleh Puan Arina binti Abd Ghani, Pengurus Pusat Tunas Nahdah Zon Utara. Buku ini diharapkan menjadi panduan praktikal untuk pesakit menunaikan ibadah dengan sempurna walaupun berada dalam keadaan sakit atau terhad dari segi pergerakan.

Buku Panduan Ibadah Pesakit ini merupakan sumbangan ikhlas daripada Hospital Pakar Al Islam, yang mengandungi panduan lengkap melaksanakan solat, wuduk, tayammum dan ibadah lain bagi pesakit yang berada di hospital. Usaha ini mencerminkan kepedulian terhadap kesejahteraan rohani pesakit, di samping menyokong misi memperkuuh nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian.

Turut hadir dalam program ini ialah Encik Muhammad Subhi bin Md Daud, Penolong Pegawai Tadbir Unit Pentadbiran Hospital Sungai Bakap, serta Tuan Haji Mohd Kamil Abu Bakar, Setiausaha WADAH Pulau Pinang.

## WADAH SERU MASYARAKAT PELIHARA NIKMAT KEAMANAN

**KUALA LUMPUR, 13 OGOS 2025 –** Timbalan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Ustaz Hasri Harun, telah tampil dalam slot Assalamualaikum di TV AlHijrah pada jam 9.00 pagi, membicarakan topik “Pelihara Nikmat Keamanan”. Dalam sesi temubual bersama pengacara Dewi, Ustaz Hasri menjelaskan bahawa keamanan bukan sekadar ketiadaan pergaduhan atau peperangan, tetapi turut merangkumi ketenangan dalam sebaliknya seperti keamanan akal, jiwa,

dan pemikiran. Beliau menegaskan bahawa cabaran masa kini bukan hanya melibatkan konflik fizikal, tetapi juga “perang pemikiran” di media sosial yang mampu menjelaskan keharmonian masyarakat.

Beliau turut menekankan bahawa tanggungjawab memelihara keamanan adalah tanggungjawab bersama – individu, komuniti, dan kerajaan mesti bergerak seiring. Individu perlu bijak menolak pengaruh negatif, komuniti mesti mengutamakan kebersamaan



berbanding konflik, sementara kerajaan pula wajib melaksanakan undang-undang yang melindungi kemaslahatan rakyat.

Sempena sambutan Hari Kebangsaan 2025, Ustaz Hasri meneru rakyat Malaysia agar memperkuuh keamanan dengan menjauhi konflik tidak berkesudahan, mengutamakan perpaduan, serta menjadikan ilmu sebagai asas ketamadunan. Katanya, masyarakat yang bertamadun ialah masyarakat yang menolak permusuhan, menyuburkan kesatuan, dan mengekalkan ketenangan dalam kehidupan seharian.

# PATRIOTISME DAN MALAYSIA MADANI JADI TERAS KEMERDEKAAN, TEGAS PRESIDEN WADAH



PUTRAJAYA, 14 OGOS 2025 -

Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, yang juga Penasihat Khas kepada Menteri Luar Negeri (Kemanusiaan & Pembangunan Semula), telah tampil sebagai panel jemputan dalam Program Wacana Kemerdekaan: Mensyukuri Kedamaian, Menyemai Patriotisme yang berlangsung di Dewan Barong Sari, Kompleks Setia Perdana, Putrajaya pada Khamis lepas.

Dalam pengisiannya, beliau menegaskan bahawa kemerdekaan bukan hanya bersifat fizikal, tetapi juga merangkumi kebebasan mental dan

jiwa daripada belenggu penjajahan, pengaruh asing serta sikap negatif seperti rasuah, perpecahan kaum dan mentaliti kolonial. Beliau turut mengingatkan bahawa nikmat keamanan dan kemerdekaan adalah anugerah Allah hasil perjuangan serta pengorbanan para pejuang terdahulu, justeru ia mesti dipertahankan dengan penuh rasa syukur dan tanggungjawab.

Dato' Ahmad Azam turut merujuk kepada pengajaran ayat-ayat al-Quran, antaranya Surah al-Baqarah (2:120, 256), Surah al-Isra' (17:4), Surah Ali-'Imran (3:103) dan Surah al-Hujurat (49:13), yang menekankan kepentingan berpaut kepada petunjuk Allah, mengelakkan perpecahan serta menjadikan kepelbagaiannya bangsa dan kaum sebagai asas untuk saling berkenalan dan memperkuuh perpaduan. Beliau menegaskan bahawa kemerdekaan hakiki menurut Islam adalah apabila masyarakat bebas daripada penjajahan minda, politik kebencian serta penindasan.

Menyentuh aspek geopolitik, beliau mengupas sejarah penjajahan dan taktik kuasa besar, termasuk strategi divide and rule oleh British serta campur tangan asing melalui perubahan rejim (regime change) di Afghanistan, Iraq, Libya, Syria, Yaman dan Somalia. Beliau menegaskan bentuk baharu penjajahan atau neo-colonialism masih menjadi cabaran kepada negara-negara umat Islam, termasuk Malaysia, yang perlu bijak berdepan dengan pengaruh luar sambil memperkuuh kestabilan dalam negara.

Mengulas tentang ancaman

dalam, beliau memberi amaran terhadap politik berasaskan isu 3R (Race, Religion, Royalty) yang dieksplorasi demi kepentingan politik sempit. Menurut beliau, Malaysia Madani perlu mengutamakan prinsip unity in diversity atau perpaduan dalam kepelbagaiannya sebagai asas keharmonian negara. Pada masa yang sama, beliau menyeru supaya pengaruh Zionis yang mendominasi ekonomi dan media antarabangsa dihadapi dengan penuh kebijaksanaan, di samping meneruskan sokongan padu kepada perjuangan rakyat Palestin.

Beliau turut menekankan langkah-langkah menyemai semangat patriotisme dalam kalangan rakyat, antaranya dengan memahami sejarah pejuang kemerdekaan, memastikan sistem pendidikan yang menyeluruh, mewujudkan ekonomi inklusif, memantau isu-isu perkauman, menggalakkan kepimpinan telus, melaksanakan program sosial dan sukan rakyat, memperkuat media yang bertanggungjawab serta menolak rasuah. Dialog antara kaum juga perlu diperkasakan agar semua lapisan masyarakat dapat menikmati pembangunan negara secara adil dan saksama.

Mengakhiri wacana, Dato' Ahmad Azam menegaskan bahawa kemerdekaan adalah satu anugerah besar yang mesti disyukuri, dihayati dan dipertahankan. Katanya, "Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Kemerdekaan hakiki adalah bebas fizikal dan mental, bersatu padu, serta hidup aman di bawah naungan Malaysia Madani."

# POST-MORTERM PROGRAM MADANI SOUTH EAST ASIA LEADERSHIP PROGRAMME (MSEALP)

**CHERAS, 15 OGOS 2025 -**

Sesi post-mortem program Madani South Asia Leadership Programme (MSEALP) telah diadakan di samping meraikan semua ahli jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan program tersebut. Turut hadir dalam sesi tersebut ialah presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam. Beliau turut menzahirkan ucapan tahniah atas pencapaian ini dan mengiktiraf peranan penting jawatankuasa dalam menjayakan inisiatif serantau yang bertaraf antarabangsa. Beliau menyatakan harapan agar kejayaan MSEALP menjadi titik tolak kepada penganjuran program-program kepimpinan yang lebih berimpak pada masa hadapan, selaras dengan visi WADAH untuk memperkuuh jaringan kepimpinan Madani di peringkat serantau dan global.



## MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA PUSAT KALI KE-5

**SG MERAB, 16 OGOS 2025 -** Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pusat (AJP) WADAH Kali Ke-5 telah berlangsung dengan jayanya, melibatkan kehadiran barisan kepimpinan tertinggi yang mewakili pelbagai peringkat dan bidang. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan pelbagai perkara penting yang merangkumi pelaksanaan dasar organisasi, penilaian keberkesanan program-program sedia ada, serta perancangan strategik

jangka pendek dan jangka panjang. Selain itu, mesyuarat turut menekankan aspek penambahbaikan tadbir urus, pengukuhan peranan organisasi dalam masyarakat, serta usaha memperkuuh jaringan kerjasama dengan agensi-agensi luar. Perbincangan secara konstruktif dan berfakta telah mencerminkan komitmen semua pihak untuk terus mengangkat misi dan visi WADAH ke tahap yang lebih tinggi, demi manfaat ummah secara menyeluruh.



## BENGKEL KEIBUBAPAAN OSEM



**KUALA LUMPUR, 16 OGOS 2025** - Bengkel keibubapaan O.S.E.M anjuran Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama Pusat Tunas Nahdah Wilayah dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah diadakan di Dewan Persatuan Penduduk Blok 96, Perumahan Awam Seri Melaka, Kuala Lumpur.

Bengkel ini merangkumi tiga sesi utama yang menampilkan barisan penceramah berpengalaman, iaitu Puan Fariyah Nawam, Puan Wan Najihah Wan Hassan dan Ts. Izwan Suhadak Ishak. Sepanjang bengkel, para peserta didedahkan dengan pelbagai ilmu, pendekatan praktikal serta perkongsian pengalaman berkaitan keibubapaan. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada masyarakat setempat dengan maklum balas positif, khususnya dalam meningkatkan kesedaran tentang peranan ibu bapa dalam membentuk keluarga yang harmoni dan sejahtera.

## PODCAST NAHDHAH 114: MALAYSIA MADANI, RAKYAT DISANTUNI MEMUPUK JIWA MERDEKA

**SG MERAB, 17 OGOS 2025** - Podcast Nahdah 114 bertemakan "Malaysia Madani: Rakyat Disantuni, Memupuk Jiwa Merdeka" telah bersiaran secara langsung dari Studio WapTV, Anjung Rahmat pada 17 Ogos 2025. Program ini dianjurkan bersempena sambutan Bulan Kebangsaan sebagai wadah untuk menyemarakkan semangat patriotisme serta mengangkat nilai-nilai Malaysia Madani dalam kalangan masyarakat.

Siaran kali ini menampilkan dua orang panel jemputan istimewa, iaitu Encik Kamal Shukri Abdullah Sani yang merupakan Tokoh Bahasa dan Budaya yang juga terkenal dengan sumbangan besar dalam pemartabatan

bahasa kebangsaan serta pemeliharaan warisan budaya bangsa dimoderatorkan oleh Sdr. Khairul Arifin.

Perbincangan mengupas secara mendalam tentang konsep Malaysia Madani, khususnya dalam konteks menyantuni rakyat dan membentuk masyarakat yang bersatu padu, beretika serta berjiwa merdeka. Kedua-dua panel telah berkongsi pandangan yang kritis dan membina, disulami pengalaman serta rujukan sejarah yang memperkaya wacana.



## KEBANGKITAN BAHARU IKTIRAF PALESTIN

**KUALA LUMPUR, 17 OGOS 2025** – Isu Palestin kembali menjadi perhatian dunia apabila semakin banyak negara menunjukkan sokongan terbuka terhadap perjuangan rakyat Palestin serta mengiktiraf kedudukan mereka di persada antarabangsa. Temu bual Awani Global yang membawakan tajuk "Kebangkitan Baharu Iktiraf Palestin", menampilkan YB Senator Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Senator Dewan Negara merangkap Pengurus Eksekutif Institut Darul Ehsan (IDE) sebagai tetamu undangan. Beliau akan berkongsi pandangan mengenai landskap politik antarabangsa yang semakin terbuka kepada suara Palestin, termasuk implikasi pengiktirafan ini terhadap keamanan serantau dan solidariti dunia Islam.

Menurut penganalisis, perkembangan terbaru yang menyaksikan peningkatan bilangan negara mengiktiraf Palestin bukan sahaja mencerminkan perubahan geopolitik global, malah turut menunjukkan kebangkitan diplomasi kemanusiaan yang menolak ketidakadilan berpanjangan terhadap rakyat Palestin.



## KUNJUNGAN HORMAT WADAH KEPADA PENGERUSI LEMBAGA AMANAH INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA (INSKEN)

**CYBERJAYA, 19 OGOS 2025** - Satu kunjungan hormat telah diadakan oleh Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) kepada Pengurus Lembaga Amanah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Tuan Haji Mustaffa Kamil Ayub bertempat di pejabat INSKEN. Wakil WADAH yang telah hadir dalam kunjungan tersebut ialah Setiausaha Agung WADAH, Haji Azizuddin dan Haji Megat Azlam Md Arshad.



Pertemuan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala serta membincangkan peluang kerjasama strategik antara Wadah dan INSKEN dalam pelaksanaan program-program berimpak tinggi berkaitan keusahawanan. Antara inisiatif yang dibincangkan termasuklah penganjuran Seminar Usahawan Madani, program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), serta pelbagai lagi usaha yang menyokong pembangunan ekosistem keusahawanan negara.



## MISI UMMATIK DALAM MENGHADAPI CABARAN PENDIDIKAN DI SIMPOSIUM GURU PENDIDIKAN ISLAM 2025

**KLANG, 19 OGOS 2025** - Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Haji Ahmad Azam tampil menyampaikan pengisian penuh inspirasi bertajuk "Misi Ummatik dalam Menghadapi Cabaran Pendidikan" dalam Slot Motivasi Inspirasi sempena Simposium Guru Pendidikan Islam: Pemacu Reformasi Inisiatif Sahsiah Unggul Murid Tahun 2025, bertempat di KSL Esplanade Hotel, Klang, Selangor.

Dalam pengisiannya, beliau membuka wacana dengan ibrah daripada Surah Ar-Rum (30:1–5) yang menegaskan bahawa kemenangan dan kekalahan bangsa-bangsa dunia adalah dalam pengaturan Allah, dan orang beriman akan bergembira dengan pertolongan-Nya. Menurut beliau, ayat ini menjadi petunjuk bahawa umat Islam perlu yakin dengan sunnatullah dalam perubahan sejarah dunia.

Dato' Ahmad Azam turut mengingatkan bahawa genap 100 tahun kejatuhan Khilafah Uthmaniyyah (1924–2024), umat Islam berdepan tiga penyakit besar yang diwariskan hasil penjajahan iaitu kejahilan, kemiskinan, dan perpecahan, seperti yang pernah digariskan oleh Imam Badi'uzzaman Said Nursi. Penyakit ini, katanya, menjadi penghalang utama kepada kebangkitan semula umat.

Konsep Generasi Ummatik digariskan berpaksikan al-Quran dan Sunnah, berpandukan Surah Ali Imran (3:110) dan At-Taubah (9:20). Menurut beliau, syarat kemenangan umat ialah iman, hijrah, dan jihad, selain kesatuan sebagaimana



ditekankan dalam Surah Ali Imran (3:103). Malaysia berpotensi besar untuk tampil sebagai pemimpin dunia Islam melalui pendekatan damai, kepelbagaian etnik, dan kebijaksanaan diplomasi – selaras dengan semangat Piagam Madinah.

Sebagai penutup, beliau mengemukakan "7 Formula Generasi Al-Fatih" sebagai pedoman melahirkan belia multi-talenta yang menghidupkan semangat ummatik. Formula ini menekankan kepentingan memiliki Wawasan Ummatik yang jelas, digerakkan dengan semangat jihad dan keberanian. Dalam masa yang sama, generasi muda perlu dibangunkan dengan kekuatan adab, etika serta integriti, di samping penghayatan mendalam terhadap al-Quran sebagai panduan hidup.

# PRESIDEN WADAH HADIR KE PERASMIAN MAJLIS CENDEKIAWAN MADANI MALAYSIA- INDONESIA (MALINDO)

**KUALA LUMPUR, 22 OGOS 2025 -** Perasmian Majlis Cendekiawan Madani Malaysia-Indonesia (MALINDO) telah diadakan dengan jayanya di Kompleks Institute for Advanced Islamic Studies (IAIS), Petaling Jaya, Kuala Lumpur pada 22 Ogos 2025. Turut hadir dalam majlis ini ialah Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam. Majlis ini telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im Mokhtar. Kehadiran YB

Menteri dalam majlis ini bukan sahaja menyerlahkan keprihatinan terhadap usaha memperkuuh jaringan keilmuan antara dua negara serumpun, malah menzahirkan hasrat murni untuk memperluas platform dialog yang membina dan berteraskan nilai-nilai rahmah, adil dan ihsan.


Program ini berlangsung selama dua hari, pembentangan forum ushasama diantara cendiakawan dua negara. Dr Nur Izura dan beberapa exco WADAH turut hadir dalam program tersebut.



## BBQ NITE ANAK MUDA: “ISU SEMASA, KERJAYA & CITA-CITA” ANJURAN PUSAT TUNAS NAHDAH PERMATANG PAUH

**KUALA MENGKUANG, 23 OGOS 2025 -** Program BBQ Nite Anak Muda: “Isu Semasa, Kerjaya & Cita-Cita” telah berjaya dianjurkan oleh Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh dengan jayanya. Program ini telah berlangsung pada 23 Ogos 2025 bertempat di Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh, Taman Mengkuang Jaya, Kuala Mengkuang. Program ini turut dihadiri oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam serta menghimpunkan golongan belia dari sekitar kawasan Permatang Pauh dalam suasana santai dan bermanfaat.

Antara pengisian utama sepanjang program termasuk sesi perkongsian santai bersama Presiden WADAH, sesi soal jawab interaktif serta aktiviti BBQ. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dengan kehadiran lebih daripada 50 orang peserta.



# YADIM MURABBI: **PEMUKIMAN ZAMALAH NEGERI PULAU PINANG**

**SEBERANG JAYA, 23 OGOS 2025 -**  
Program YADIM Murabbi: Pemukiman Zamalah Negeri Pulau Pinang telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya bertempat di Ummah Hall, Sembilang, Seberang Jaya pada 23 Ogos 2025. Program ini merupakan salah satu inisiatif Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dalam memperkasa peranan para murabbi serta memperkuuh jaringan gerakan dakwah dalam kalangan belia dan aktivis muda di negeri ini. Presiden WADAH, yang turut menyampaikan

amanat dan motivasi kepada para peserta berkaitan tanggungjawab dakwah serta cabaran semasa yang dihadapi oleh pendakwah muda di peringkat negeri dan nasional.

Sepanjang pemukiman ini, para peserta telah mengikuti pelbagai pengisian seperti pembentangan kertas kerja, bengkel interaktif, sesi diskusi kumpulan, serta aktiviti kerohanian yang menjurus kepada pembinaan jatidiri, kefahaman Islam yang syumul, dan semangat kerja berpasukan.



## SIDANG PANEL PAKAR – PERSEDIAAN NEGARA TUA MENJELANG 2030

**KUALA LUMPUR, 23 OGOS 2025** - Sidang Panel Pakar - Persediaan Negara Tua Menjelang 2030 telah diadakan di Bangunan PERKIM, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur pada 23 Ogos 2025. Persidangan ini telah dihadiri oleh 50 orang peserta dari NGO seperti ACCIN, IMAN, SALWA, NOWO, WADAH dan lain-lain. Panel dari JAKIM, MyAgeing, UPM, JKM, KPCT dan NOWO telah membentangkan dapatan persediaan Malaysia sebagai Negara Tua menjelang tahun 2030.

Exco WADAH, Tuan Haji Megat Mohd Azlan Md Arshad hadir sebagai peserta bagi mendapatkan makluman untuk menimbangkan cadangan penubuhan Perumahan Warga Emas di tanah milik WADAH di sebelah Anjung Rahmat yang boleh diusahakan sebagai perkhidmatan ala Pondok Moden bagi penghuni warga emas yang berpencen yang masih aktif dan sihat untuk kehidupan yang seimbang, bermaruah, dan mampu berkhidmat kepada masyarakat dalam meningkatkan aspek kehidupan secara sepadau.



## BENGKEL PEMBINAAN MODUL KEBAPAAN ANJURAN LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

**24 OGOS 2025** - Satu Bengkel Pembinaan Modul Kebapaan anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah berlangsung dengan jayanya sebagai usaha memperkuatkan institusi keluarga menerusi peranan bapa yang lebih aktif, bertanggungjawab dan berkesan dalam pembangunan anak-anak serta kesejahteraan rumah tangga.

Bengkel ini telah dihadiri oleh Ustaz Hasri, Timbalan Presiden WADAH. Antara fokus utama bengkel termasuk memperincikan peranan ayah dalam membentuk sahsiah anak-anak, keseimbangan antara kerjaya dan keluarga, serta pendekatan keibubapaan yang responsif terhadap isu psikososial dan perubahan zaman.



## BOWLING PIALA PRESIDEN WADAH ANJURAN WADAH DAN PUSAT TUNAS NAHDAH PERMATANG PAUH

**PERAI, 24 OGOS 2025** - Program Bowling Piala Presiden WADAH telah berlangsung dengan jayanya pada 24 Ogos bertempat di Pusat Bowling, Jalan Baru, Perai, Pulau Pinang. Program ini merupakan anjuran bersama WADAH Negeri Pulau Pinang dan Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh, bertujuan untuk mengerakkan ukhuwah dalam kalangan ahli serta menyemarakkan semangat

kesukunan yang sihat.

Pertandingan ini telah disertai oleh pelbagai peringkat umur melibatkan ahli WADAH, belia, serta komuniti setempat. Antara objektif utama pengajian pertandingan ini adalah untuk membudayakan gaya hidup sihat, memperkuatkan semangat kerjasama berpasukan serta memupuk rasa kebersamaan dalam kalangan aktivis gerakan Islam setempat.



# EDARAN BUBUR LAMBUK DI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) SETIA ALAM ANJURAN PUSAT TUNAS NAHDAH WILAYAH

**SETIA ALAM, 24 OGOS 2025** - Program Edaran Bubur Lambuk anjuran Pusat Tunas Nahdah Wilayah dengan kerjasama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah berjaya dilaksanakan pada 24 Ogos bertempat di Program Perumahan Rakyat (PPR) Setia Alam. Program ini merupakan inisiatif khidmat masyarakat yang bertujuan untuk menyemai semangat kedulian sosial serta mengeratkan hubungan antara aktivis gerakan Islam dengan komuniti setempat.

Sebanyak 200 bekas bubur lambuk diedarkan kepada para penduduk PPR Setia Alam. Aktiviti ini melibatkan penglibatan sukarelawan daripada kalangan ahli Pusat Tunas Nahdah serta penduduk sekitar yang turut membantu dalam proses penyediaan dan pengagihan.



## MAJLIS PENUTUP IHTIFAL KEBANGSAAN SEKOLAH ABIM PERINGKAT KEBANGSAAN (IKSA) 2025 DIRAIKAN DENGAN PENUH GEMA KEJAYAAN

**BACHOK, 24 OGOS 2025** - Majlis Penutup Ihtifal Kebangsaan Sekolah ABIM (IKSA) 2025 telah berlangsung dengan penuh meriah dan berprestij, menandakan berakhirnya sebuah acara tahunan yang menghimpunkan pelajar-pelajar Sekolah ABIM dari seluruh negara dalam semangat ukhuwah, ilmu dan kebitaraan.

Program anjuran Pendidikan Takmir ABIM merupakan platform tahunan yang menghimpunkan pelbagai acara berbentuk ilmiah, kerohanian dan kesenian Islam yang memberi ruang kepada pelajar-pelajar untuk menonjolkan bakat serta kecemerlangan sahsiah dan akademik. Penganjuran IKSA 2025 bukan sahaja berjaya memperkuuh jaringan antara sekolah-sekolah ABIM di seluruh negara, malah menjadi wadah memartabatkan pendidikan Islam yang bersepada dan holistik selaras dengan aspirasi ABIM dalam melahirkan generasi Rabbani.

SCAN UNTUK SUMBANGAN



PERSATUAN WADAH PENCERDASAN UMAT M'SIA

JOM DAFTAR AHLI WADAH



# DIALOG BELANJAWAN 2026 KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)

**PUTRAJAYA, 25 OGOS 2025** - Program Dialog Belanjawan 2026 Kementerian Pendidikan (KPM) telah diadakan pada 25 Ogos 2025 di Putrajaya. Program ini telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan, YB Fadhlina Sidek. Setiausaha Agung WADAH, Tuan haji Azizuddin turut hadir dalam Program Dialog Belanjawan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dalam sesi tersebut, WADAH telah mengemukakan cadangan agar KPM mempertimbangkan peruntukan anggaran antara RM10,000 hingga RM20,000 kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau mana-mana pihak yang layak, bagi membantu merancakkan penambahan prasekolah mulai tahun hadapan. Cadangan ini adalah tertakluk kepada pematuhan syarat serta penggunaan sibus yang telah ditetapkan oleh KPM.



## DIALOG ANTARABANGSA: DILEMA ATAU PENYELESAIAN

**KUALA LUMPUR, 26 OGOS 2025** - Program Dialog "Negara Bangsa: Dilema dan Penyelesaian" telah berlangsung dengan jayanya di Auditorium Memorial Tunku Abdul Rahman Putra, Kuala Lumpur. Kehadiran lebih 150 peserta daripada pelbagai latar belakang mencerminkan keprihatinan masyarakat terhadap isu negara bangsa yang semakin mencabar. Auditorium bersejarah itu menjadi wadah penting untuk menyemai semangat kebersamaan dan menyelami cabaran sebenar dalam usaha membina negara bangsa yang utuh. Sepanjang dialog, peserta berpeluang mengikuti kupasan mendalam daripada tokoh-tokoh dan cendekiawan yang membicarkan isu berkaitan perpaduan, identiti nasional dan cabaran masa depan negara.



## SYARAHAN MALAYSIA MADANI

### BANTING, 26 OGOS 2025 -

Majlis Belia Daerah (MBD) Kuala Langat dan Akademi Kenegaraan Malaysia Negeri Selangor telah menjemput Sdr. Megat Mohd Azlan Md Arshad EXCO WADAH (Sahabat Penggerak Madani AKM SELANGOR) menyampaikan Syarahan Malaysia Madani kepada para pelajar sekolah menengah dan Kolej TVET sekitar Kuala Langat seramai 700 orang. Program



ini diadakan sempena Konvensyen Anak Muda Merdeka (Aku Kasih Malaysia) peringkat Parlimen Kuala Langat. Program ini telah digerakkan oleh ABIM Kuala Langat dan PEPIAS Kuala Langat yang menjadi anggota MBD Kuala Langat.



PERSATUAN WARDAH  
PENCERDASAN UMAT M'SIA

## DISKUSI KEMERDEKAAN TEKANKAN HUBBUL WATAN SEBAGAI AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB

**SHAH ALAM, 26 OGOS 2025** – Timbalan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Ustaz Hasri bin Harun, telah menyampaikan pengisian dalam Forum Program Diskusi Kemerdekaan: Memperkuuh Semangat Hubbul Watan di Auditorium Dahlia, Dewan Syarahan dan Muzakarah Islam Shah Alam.

Dalam pengisian tersebut, cinta kepada tanah air (hubbul watan) ditegaskan sebagai fitrah insani yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW ketika meninggalkan Makkah dengan penuh rasa kasih. Kecintaan kepada negara mesti dipandu oleh akidah tauhid, agar semangat patriotisme tidak hanya berupa simbol luaran tetapi berpaksikan ketaatan kepada Allah SWT.

Hubbul watan menurut Islam menuntut kefahaman bahawa manusia adalah khalifah Allah di bumi dan hamba-Nya yang wajib melaksanakan perintah dengan penuh keikhlasan. Maka, kasih kepada bangsa, keluarga, pemimpin, dan negara tidak boleh terpisah daripada kepatuhan kepada syariat. Sekadar melaungkan kemerdekaan atau mengibarkan bendera tanpa penghayatan akidah hanya akan menjadikan kecintaan itu rapuh.



## SYARAHAN PRESIDEN WADAH DAN SESI DIALOG: MEMAHAMI TERAS MALAYSIA MADANI BERSAMA SISWA GURU IPGM KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK

**NILAI, 28 OGOS 2025** - Satu program syarahan dan sesi dialog bertajuk "Memahami Teras Malaysia MADANI" telah diadakan bersama Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Abd Rahman, bertempat di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Pendidikan Teknik pada 28 Ogos 2025.

Program ini dianjurkan bagi memberi pencerahan kepada para siswa guru mengenai konsep, prinsip, dan aplikasi nilai-nilai teras Malaysia MADANI dalam konteks pendidikan dan pembangunan negara. Dalam syarahan tersebut, Presiden WADAH telah mengupas secara mendalam gagasan Malaysia MADANI yang menekankan aspek kemanusiaan, nilai bersama, keadilan sosial, dan tanggungjawab sivik.

Sesi dialog yang diadakan selepas syarahan turut membuka ruang interaksi dua hala antara siswa guru dan penceramah, merangkumi pelbagai persoalan berkaitan peranan pendidik dalam membentuk masyarakat madani.

Program ini diharapkan dapat menyuntik inspirasi dan kefahaman yang lebih jelas kepada bakal pendidik dalam melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai agen perubahan yang berteraskan nilai Malaysia MADANI.



## EDARAN PENGAT PISANG SEMPENA HARI KEMERDEKAAN KE-68

**SG MERAB, 29 OGOS 2025** – Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) dengan kerjasama Pusat Tunas Nahdah Sepang, Pusat Infaq WADAH dan Anjung Rahmat telah berjaya melaksanakan program Agihan Pengat Pisang sebagai sebahagian daripada usaha menyemarakkan semangat kemerdekaan dan perpaduan, menjelang Hari Kemerdekaan Malaysia yang ke-68. Sebanyak 280 bekas pengat pisang telah diagihkan kepada penduduk setempat dan jemaah masjid.



### PODCAST NAHDAH 114: MENSYUKURI KEDAMAIAN, MENYEMAI PATRIOTISME



**GOMBAK, 29 OGOS 2025** - Sempena sambutan Hari Kemerdekaan negara yang ke-68, Presiden WADAH, Dato' Ahmad Azam Ab Rahman telah menyampaikan sebuah pengisian istimewa melalui episod Podcast Nahdah 114 bertajuk "Mensyukuri Kedamaian, Menyemai Patriotisme". Pengisian ini merupakan refleksi bermakna terhadap erti sebenar kemerdekaan dalam konteks pembangunan negara bangsa yang berteraskan nilai, keadilan, dan ketamadunan Islam.

Dalam penyampaian tersebut, Dato' Ahmad Azam menekankan betapa pentingnya umat Islam dan rakyat Malaysia secara umumnya mensyukuri nikmat keamanan dan kestabilan yang dikecapi hari ini, hasil perjuangan generasi terdahulu yang penuh pengorbanan dan prinsip. Beliau turut menyeru agar semangat patriotisme tidak hanya bersifat simbolik atau emosional semata-mata, tetapi diterjemahkan dalam bentuk komitmen membina masyarakat madani yang berasaskan integriti, ilmu, dan tanggungjawab sosial.

## Kenyataan Media

# **WADAH NEGERI MELAKA MENYOKONG PENUH PANDANGAN MUFTI MELAKA BERHUBUNG PENGGUNAAN QUNUT NAZILAH TERHADAP ORANG ISLAM**

**MELAKA, 31 JULAI 2025 –** WADAH Melaka ingin menyatakan sokongan padu terhadap pandangan yang dikemukakan oleh Mufti Negeri Melaka, Sahibus Samahah Dato' Wira Dr. Haji Abdul Halim Tawil, berhubung isu penggunaan Qunut Nazilah terhadap sesama Muslim, khususnya dalam konteks konflik dan pertelingkahan dalaman umat Islam.

Sebagai sebuah pertubuhan yang menjunjung tinggi nilai keilmuan, perpaduan umat dan prinsip maqasid syariah, kami melihat pandangan yang disuarakan oleh Mufti Melaka sebagai suatu nasihat yang tepat pada masanya serta selari dengan semangat Islam sebagai agama yang membawa rahmat dan kasih sayang kepada seluruh alam.

Qunut Nazilah adalah satu bentuk doa yang disyariatkan ketika umat Islam berhadapan dengan musibah, penindasan, atau kekejaman daripada musuh yang nyata—bukan sebagai alat untuk melaknat atau mendoakan keburukan terhadap sesama Muslim.

Sejarah mencatat bahawa Rasulullah SAW hanya membaca Qunut Nazilah apabila umat Islam dizalimi oleh musuh luar yang menindas dan membunuh mereka secara zalim. Pandangan Mufti Melaka bahawa qunut tersebut tidak wajar ditujukan kepada orang Islam lain, walaupun berbeza pandangan politik atau mazhab, adalah berasaskan prinsip ukhuwwah Islamiyyah dan adab dalam berbeza pendapat.

Oleh itu, WADAH Melaka menyeru seluruh umat Islam, khususnya di negeri ini, agar berwaspada dalam menangani perbezaan pandangan. Doa bukanlah alat untuk mencetuskan kebencian, sebaliknya ia adalah senjata orang mukmin untuk mendekatkan diri kepada Allah dan memohon kebaikan, keampunan serta petunjuk bagi seluruh umat.



Kami juga mengajak semua pihak agar kembali kepada prinsip syura, toleransi dan hikmah dalam menangani isu-isu ummah, tanpa memperjudikan ukhuwah yang telah lama dibina. Mendoakan kebinasaan sesama Islam hanya akan membuka ruang kepada fitnah dan melemahkan kekuatan umat dari dalam.

WADAH Melaka sekali lagi merakamkan penghargaan dan sokongan penuh terhadap ketegasan Mufti Melaka dalam membimbing masyarakat ke arah kefahaman Islam yang lebih damai, adil dan berteraskan ilmu. Semoga Allah SWT terus membimbing kita semua ke arah perpaduan, taqwa dan kejayaan di dunia dan akhirat.

“Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara...”  
(Surah Al-Hujurat: 10)

**HAJI MOHD FAIRUS BIN AHMAD**  
Pengerusi  
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia Negeri  
Melaka  
31 Julai 2025

## Kenyataan Media

# KENYATAAN HIKAM MENGENAI DEKLARASI NEW YORK

## 6 OGOS 2025

**H**impunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM) menggesa kerajaan Malaysia menolak Deklarasi New York mengenai Penyelesaian Aman Persoalan Palestin yang tidak adil dan berat sebelah ini. Deklarasi yang dikeluarkan pada 30 Julai 2025 dan disokong oleh Perancis, Arab Saudi, Liga Arab, Kesatuan Eropah serta 17 negara lain mengandungi beberapa kelemahan serius.

**Pertama**, deklarasi ini secara selektif mengutuk Hamas tanpa mengiktiraf hak rakyat Palestin menentang penjajahan menurut undang-undang antarabangsa, sambil mengabaikan 76 tahun pendudukan haram Israel.

**Kedua**, ia gagal mengklasifikasikan tindakan Israel sebagai pembunuhan beramai-ramai (genosid) walaupun lebih 60,785 rakyat Palestin terutamanya wanita dan kanak-kanak telah menjadi mangsa.

**Ketiga**, penyelesaian dua negara yang dicadangkan hanyalah ilusi memandangkan Israel terus meluaskan penempatan haram di Tebing Barat.

**Keempat**, pengiktirafan terhadap Pihak Berkuasa Palestin yang korup dan autoritarian adalah tidak realistik memandangkan rekod buruk mereka dalam melindungi rakyat Palestin.

Berdasarkan analisis ini, HIKAM menyarankan agar kerajaan Malaysia:

1. Menolak sebarang bentuk pengiktirafan terhadap deklarasi tidak adil ini.
2. Mendesak gencatan senjata kekal serta laluan tanpa halangan untuk bantuan kemanusiaan.
3. Menyokong proses keadilan di ICC dan ICJ terhadap jenayah perang Israel.

4. Menggalakkan kempen BDS (boikot, pelupusan dan sekatan) terhadap entiti yang menyokong Israel.
5. Meneruskan usaha pendidikan dan diplomasi mengenai isu Palestin di peringkat negara dan global.

Malaysia mesti berdiri teguh dengan prinsip keadilan dan tidak akan tunduk kepada tekanan antarabangsa untuk menyokong resolusi yang tidak seimbang.

Himpunan Gerakan Islam Malaysia (HIKAM)

1. Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH)
2. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)
3. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)
4. Pertubuhan Himpunan Lepasan Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)

### Sekretariat HIKAM

**Azizuddin Ahmad**  
**Setiausaha Agung WADAH**

**Mohd Hafiz Abd Hamid**  
**Setiausaha Agung IKRAM**

**Muhammad Aliemran Norasid**  
**Setiausaha Agung ABIM**

**Mohd Sabbri Md Yudin**  
**Setiausaha Agung HALUAN**

## Kenyataan Media

**W**adah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyatakan sokongan penuh terhadap kenyataan tegas YAB Perdana Menteri bahawa tiada individu akan dilindungi sekiranya terlibat dalam kes kematian adik Zara Qairina di Sabah, tanpa mengira pangkat atau status. Prinsip keadilan mesti ditegakkan dan kebenaran perlu didedahkan, demi menghormati nyawa yang tidak bersalah.

Bagi setiap ibu bapa, keselamatan anak adalah amanah paling berharga. Walaupun anak hanya demam biasa, hati ibu bapa pasti bimbang. Lebih-lebih lagi bagi mereka yang menghantar anak ke asrama dengan harapan untuk masa depan cerah, tentu mengharapkan persekitaran yang selamat.

Tragedi kehilangan ini amat perit, apakah lagi jika berpunca daripada buli atau dera. Ia bukan sekadar meninggalkan luka di hati keluarga, tetapi juga mencetuskan trauma kepada seluruh masyarakat. Namun, dalam menghadapi ujian ini, WADAH menyeru rakyat Malaysia untuk bersabar, bertenang, dan bersikap objektif, memberi ruang kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan secara telus.

WADAH mengingatkan semua pihak agar tidak menyebarkan berita yang tidak disahkan atau berunsur fitnah. Kesedihan keluarga mangsa tidak wajar dijadikan bahan sensasi atau modal politik. Nyawa yang terkorban bukan permainan untuk diperalatkan.

Masyarakat diseru agar jangan biarkan mana-mana pihak mengambil kesempatan isu ini untuk mengadu domba ke arah kepentingan politik.

Pihak berkuasa terutama pihak Polis perlu memaklumkan perkembangan dengan jelas dan hendaklah disalurkan

# KES ZARA QAIRINA: RAKYAT PERLU TENANG

## KEADILAN UNTUK ADIK ZARA QAIRINA: RAKYAT PERLU TENANG, ELAK BERITA FITNAH DAN HORMATI PROSES UNDANG-UNDANG



segera kepada masyarakat melalui media rasmi agar tidak menimbulkan polemik.

WADAH turut menyatakan sokongan kepada YB Menteri Pendidikan yang berdepan cabaran besar memastikan keselamatan pelajar di sekolah dan asrama. Tragedi ini menjadi peringatan bahawa isu buli, penderaan dan tekanan emosi di kalangan pelajar mesti ditangani secara menyeluruh.

Sehubungan itu, WADAH:

- Mendukung tindakan pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan secara menyeluruh dan inklusif.
- Menegaskan perlunya tindakan tegas terhadap pelaku, tanpa mengira pangkat, kedudukan atau pengaruh.
- Mendesak pengukuhan sistem keselamatan pelajar di sekolah dan asrama, termasuk langkah pencegahan buli dan dera yang berkesan.
- Mengajak masyarakat untuk menunggu hasil siasatan rasmi dan tidak mudah terpengaruh dengan khabar angin atau spekulasi yang boleh menjelaskan proses keadilan.
- Memperkuuh sistem

pencegahan dan pemantauan di sekolah dan asrama melalui latihan kepada guru, warden, kaunselor serta pembabitan ibu bapa.

- Memperluas akses kaunseling bagi pelajar yang mengalami tekanan emosi, termasuk mewujudkan talian sokongan dan program bimbingan rakan sebaya.
- Memupuk budaya hormat dan kasih sayang sesama pelajar melalui pendidikan nilai, kempen kesedaran, dan aktiviti berdasarkan perpaduan.
- Mengukuhkan saluran aduan rahsia supaya pelajar berani melaporkan kes buli atau penderaan tanpa rasa takut.

WADAH berdiri teguh bersama keluarga Allahyarhamah dalam menuntut kebenaran dan keadilan. Keselamatan pelajar adalah tanggungjawab bersama, dan budaya buli serta dera mesti dihapuskan sepenuhnya daripada institusi pendidikan negara.

WADAH sekali lagi menyeru rakyat untuk bersabar, bertenang dan bersikap objektif, memberi ruang kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan secara telus, serta mengelak daripada menyebarkan berita tidak sah atau berunsur fitnah.

Kami berdiri teguh bersama keluarga Allahyarhamah dalam mencari kebenaran, dan akan terus mendukung usaha kerajaan serta KPM untuk memastikan keselamatan pelajar dan menghapuskan budaya buli di institusi pendidikan.

**AZIZUDDIN AHMAD**  
Setiausaha Agung  
Wadah Pencerdasan Umat  
Malaysia (WADAH)

# SALWA TURUN KE NEGERI MELAKA (SANTUN - MELAKA)

**BUKIT BERUANG, 2 - 3 OGOS 2025 -**

Rombongan SALWA Pusat seramai 10 orang diketuai oleh Pengurus SALWA, Ustazah Nordiran Idris. Turut serta bersama adalah Puan Adibah Ahmad, ahli Majlis Penasihat SALWA. Seramai 15 orang SALWA Melaka yang diketuai Hajah Salwana Jamaluddin dan Setiausaha Dr Diwi Kasma hadir dalam pertemuan mesra SANTUN kali ini.

Suatu kemestian agenda SANTUN adalah pertemuan bersama SALWA Negeri, berbincang agenda pengukuhan saf dan pelaksanaan program khayra umat.



**BERITA  
SALWA**



## USRAH SAFWAH

**SG. MERAB, 23 OGOS 2025 -** SALWA telah menggerakkan usrah SAFWAH-SALWA dengan pertemuan pertama pada 23 Ogos 2025 di Anjung Rahmat. Pengisian telah disampaikan oleh Puan Hajah Badariah Ismail, Penasihat bagi usrah SAFWAH-SALWA.

Sila hubungi Sekretariat SALWA untuk ikutserta usrah secara fizikal dan secara maya.



**USRAH  
SAFWAH**

ANJUNG RAHMAT  
23.08.2025 (SABTU)  
9.30 pagi - 1:00 tengahari

[Salwa Malaysia](#) [salwamalaysia.org](#)

PN. HJH. NORDIRAN IDRIS  
PENGURUSI PERTUBUHAN SALWA MALAYSIA

PN. BADARIAH ISMAIL  
PENASIHAT SAFWAH SALWA

# BENGKEL TAHSIN SOLAT - UNTUK PESAKIT

**KUALA LUMPUR, 16 OGOS 2025** - Program Bengkel Tahsin Solat Ibadah Sakit anjuran SALWA Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Biro Muslimah Masjid Salahuddin Al-Ayyubi (MSAA) telah diadakan di Dewan Masjid Salahuddin al Ayubi.

Bengkel telah dihadiri seramai 210 orang peserta dan dirasmikan oleh Pengerusi Masjid Salahuddin Al-Ayyubi, YBhg. Dato Sri Amran Mat Nor. Pengerusi SALWA hadir menyampaikan ucapan sambutan dan aluan.

Penjelasan serta panduan praktikal mengenai kaedah menuaikan solat dalam keadaan uzur atau sakit telah disampaikan oleh Ustazah Nurul Aisyah Amir Ramli daripada Hospital Pakar Al-Islam.



# SEMINAR INSPIRASI KELUARGA MADANI: PEMBENTUKAN KELUARGA SAKINAH

**PULAU PINANG, 17 OGOS 2025** - Seminar separuh hari anjuran bersama SALWA Pulau Pinang dan Pusat Islam USM telah berjaya diadakan dengan kehadiran seramai lebih 200 orang.

Istimewanya seminar ini kerana sebahagian peserta yang hadir adalah daripada Persatuan Orang Pekak. Dua orang jurubahasa isyarat hadir membantu komunikasi. Mereka sangat teruja dan memberi maklumbalas dengan pertanyaan yang menyentuh hati.

Pengerusi SALWA hadir sebagai Penceramah. Turut bersama adalah Pengarah Pusat Islam USM, Ustaz Zayd Zhari, Tuan Haji Hasan Hj Ahmad, penasihat Ahsanal Amal SALWA Pulau Pinang dan Dr Sholihah Kaswari (RAMI).

